

24 SEP 2002

Mahkamah-Anwar

PERBICARAAN SAMAN ANWAR DITUNDA KERANA PEGUAM ADA URUSAN LAIN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perbicaraan saman Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Kementerian Dalam Negeri dan dua lagi pihak kerana insiden "mata hitam" ditunda hari ini kerana peguam Anwar, Karpal Singh berada di luar ibu negara.

Hakim Mahkamah Tinggi James Foong membenarkan penundaan itu dalam kamarnya dan menetapkan 18 Mac depan untuk pengurusan kes itu.

Tarikh hari ini ditetapkan untuk perbicaraan saman itu selama tiga hari.

Peguam Gobind Singh Deo yang hadir mewakili Karpal Singh berkata Anwar, juga akan memfailkan satu permohonan untuk menentukan sama ada jabatan peguam negara harus mewakili para defenden.

Beliau berkata permohonan itu dibuat atas alasan jabatan peguam negara yang menjalankan pendakwaan terhadap defenden kedua dalam saman itu, iaitu bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor yang mengaku bersalah kerana mencederakan Anwar.

Menurut Gobind lagi permohonan itu juga akan meminta dibatalkan pembelaan defenden.

Abdul Rahim dipenjarakan dua bulan dan didenda RM2,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada 15 Mac, 2000, selepas beliau mengaku bersalah kerana mencederakan Anwar dalam lokap di Bukit Aman di sini pada 10.45 malam, 20 Sept, 1998.

Anwar mengemukakan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kapasiti beliau sebagai bekas Menteri Dalam Negeri, Abdul Rahim dan kerajaan pada 8 Jan, 1999, meminta gantirugi teladan dan gantirugi teruk.

Anwar, 54, yang mendakwa beliau mengalami trauma, penghinaan, tekanan dan rasa malu semasa penahanannya, juga meminta kos dan relief lain yang dianggap wajar oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutananya, Anwar berkata beliau telah ditahan di kediamannya pada lebih kurang 10 malam 20 Sept, 1998, dan dibawa ke Bukit Aman dan dikurung dalam lokap.

Beliau mendakwa antara 11 malam dan 11.30 malam, semasa matanya ditutup dengan kain dan tangannya digari dari belakang, beliau diarah berdiri dan dengan tiba-tiba beliau terasa tumbukan kuat di mata dan di dahi.

Dalam pernyataan pembelaan, defenden-defenden itu menafikan dakwaan bahawa Anwar di pukul di kepala dengan teruk sehingga darah mengalir dari hidung dan mulut.

Bagaimanapun mereka mengakui, Abdul Rahim telah menampar muka Anwar selepas Anwar memakinya dengan berkata "this is the father of dogs" (ini bapa kepada segala anjing) yang mencetuskan kemarahan Abdul Rahim dan menyebabkan beliau bertindak demikian.

Peguam Kanan Persekutuan Datuk Mary Lim Thiam Suan mewakili ketiga-tiga defenden itu.

-- BERNAMA

PK AHH PR